

01 AUG 2002

Zaharah-Bendera (Bergambar)

RAKYAT SUDAH MAMPU TERUSKAN AMALAN KIBAR JALUR GEMILANG

KUALA LUMPUR, 1 Ogos (Bernama) -- Kempen kibar Jalur Gemilang sempena sambutan Hari Kebangsaan dilancarkan tahun ini oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dengan peruntukan sebanyak RM1 juta.

Menteri berkenaan Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman berkata peruntukan besar itu untuk membeli dan mengedarkan Jalur Gemilang di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah.

"Kempen itu dijalankan kerana Jalur Gemilang dilihat sebagai asas dalam menerapkan nilai kecintaan terhadap negara," katanya kepada pemberita selepas majlis pelancaran Kempen Kibar Jalur Gemilang kementerian itu di Plaza Tol Sungai Besi di sini hari ini.

Pada majlis itu, Zaharah menyampaikan beg cenderahati berisi Jalur Gemilang kepada pemandu bertuah yang menggunakan plaza tol berkenaan.

Timbalan Menteri Dr Tiki Anak Lafe yang mengetuai kempen itu berkata kementerian berkenaan yakin menjelang tahun depan kempen itu sudah cukup memberikan kesan kepada rakyat hinggakan mereka mampu meneruskan amalan itu tanpa paksaan.

"Kita mahu acara tahunan ini dapat dijalankan secara sukarela oleh masyarakat dan bukannya kerana dipaksa dengan adanya kempen-kempen seumpama ini," katanya.

Kemuncak kempen itu ialah pada 17 Ogos apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melancarkan Bulan Kemerdekaan dan Kempen Kibar Jalur Gemilang peringkat kebangsaan di Dataran Merdeka.

Dr Siti Zaharah ketika menyentuh isu lain berkata kementerian sedang berusaha mewujudkan kelab perpaduan di sekolah dan pusat pengajian tinggi.

"Ia akan bertindak sebagai satu kelab yang menjana apa erti perpaduan, lambang perpaduan, maksud dan kepentingan perpaduan berdasarkan identiti masyarakat Malaysia," katanya.

Beliau berkata program itu merupakan satu daripada usaha kementerian dengan kerjasama Kementerian Pendidikan untuk memperkukuhkan integrasi antara kaum.

Input dari kedua-dua kementerian telah diperolehi dalam menyediakan modul, kegiatan, latihan dan cadangan aktiviti kelab yang mengambil kira penyertaan semua kaum.

-- BERNAMA

SNS ZS RON